




Kuala Lumpur

Seurang-kurangnya enam unit rumah terjejas selepas bumbung zink tercabut di Blok 94 Apartmen Putra Ria dekat Bangsar di sini, kelmarin.



Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang, enam kereta dan tiga motosikal turut rosak akibat dihempap kepingan zink daripada bumbung yang jatuh.

Penduduk M Santha Kumari, 41, berkata rumahnya di tingkat 20 daripada pangsapuri 22 tingkat itu tidak terkesan, namun cermin belakang sebuah kereta milik adiknya pecah akibat kejadian itu.

“Semasa kejadian, bumbung memang nampak sudah jatuh dan saya nampak betul-betul depan mata bumbung itu jatuh timpa kereta adik.

“Angin sangat kuat dan keadaan hujan, rumah saya ramai kanak-kanak manakala adik saya juga baru bersalin, jadi perasaan risau itu memang ada,” katanya ketika ditemui di lokasi, di sini.

Santha Kumari yang terkejut dengan kejadian itu bagaimanapun



Saya ber...
dari ru...
melihat...
jatuh ke...
terkena...
di kaw...
baw...
Abu Ba...


itu didirikan.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Lembah Pantai Sub Zon 1 Abdul Haniff Sulaiman berkata, terdapat sebuah unit rumah di tingkat 22 yang memerlukan tindakan segera kerana hampir keseluruhan bumbung tercabut.

Beliau berkata, kejadian itu kali pertama berlaku dan hampir kesemua pemilik kenderaan yang terjejas sudah membuat laporan kepada pihaknya, manakala kontraktor bumbung juga hadir membuat penilaian bagi tindakan segera.

“Kami juga telah membuat laporan kepada DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) dan mereka hadir pada malam ini (kelmarin). Syarikat pengurusan, Intra Harta Consultant Sdn Bhd juga hadir untuk membuat laporan.

“Terdapat juga wakil Ahli Parlimen Lembah Pantai (Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil) yang diarahkan oleh Fahmi untuk membuka bilik gerakan bagi penduduk terkesan membuat segala laporan yang sepatutnya,” katanya.



KEADAAM sekitar Blok 94, Apartmen Putra Ria Bangsar susulan kejadian bumbung jatuh akibat ribut dan hujan lebat kira-kira 5.30 petang kelmarin.

“...
gegas keluar...
umah dan...
t bumbung...
bawah serta...
na kereta...
asan parkir...
ah blok...
kar Hasnah

